



Faktor-Faktor Kelemahan Akademik Dalam Kalangan Pelajar Orang Asli: Kajian Kes Di SK Sg. Berua, Kuala Berang, Terengganu

Ahamad Rahim¹, Suzana Haron, Rosliza Awang
¹Institut Pendidikan Guru Kampus Sultan Mizan,
Kementerian Pendidikan Malaysia.

Article Info

Received:
14 September 2019

Accepted:
25 September 2019

Publish
01 September 2020

e-ISSN 2682-759X

Abstrak

Meningkatkan taraf hidup komuniti orang asli memang merupakan tujuan utama dalam pendidikan di Malaysia bagi merealisasikan pembangunan yang inklusif dan setara. Untuk ini pendidikan formal bagi anak orang asli memang dianggap sebagai mekanisma paling tepat. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis punca prestasi pembelajaran yang lemah di kalangan pelajar orang asli di SK Sg. Berua, Kuala Berang, Terengganu. Data kajian di perolehi melalui kaedah temu bual dan pemerhatian di lapangan. Respoden kajian melibatkan 13 orang guru. Secara keseluruhannya, hasil kajian menunjukkan prestasi pendidikan pelajar orang asli di kawasan kajian berada di peringkat yang sangat rendah, walaupun pelbagai pembangunan infrastruktur dan pelbagai program pendidikan telah dilaksanakan untuk mereka. Faktor-faktor kelemahan akademik yang telah dikenal pasti dalam kalangan pelajar orang Asli di sekolah ini ialah tiada galakan dan kesedaran ibu bapa, kurangnya motivasi dalam diri pelajar dan pelajar datang ke sekolah hanya untuk menerima bantuan yang disediakan. Oleh itu, bagi meningkatkan akademik pelajar Orang Asli di sini, beberapa cadangan melalui kerjasama JAKOA, KPM, IPTA, IPG dan NGO telah dikemukakan.

Kata Kunci: tiada galakan, kesedaran, motivasi, ibu bapa, pelajar orang asli

Pengenalan

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah membangunkan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 dalam konteks standard pendidikan antarabangsa dengan tujuan untuk mempersiapkan generasi bagi menghadapi keperluan abad ke-21. Bagi memenuhi keperluan semua rakyat dan menyediakan negara untuk bersaing di peringkat antarabangsa, adalah penting untuk negara melakarkan wawasan kejayaan sistem pendidikan berdasarkan konteks Malaysia yang ingin dibangunkan. Aspirasi ini merangkumi dua aspek: pertama, sistem pendidikan secara keseluruhan dan kedua, murid secara individu. Visi dan aspirasi ini akan menjadi landasan transformasi sistem pendidikan Malaysia bagi pembangunan murid yang holistik dari segi intelek, rohani, emosi, dan jasmani.

Dalam konteks sistem pendidikan Malaysia, PPPM 2013-2025 berhasrat untuk membentuk pelajar yang bangga dikenali sebagai rakyat Malaysia tanpa mengira etnik, agama atau status sosioekonomi. Di peringkat paling asas, setiap kanak-kanak perlu menguasai sepenuhnya kemahiran literasi dan numerasi. Selain itu, penting bagi setiap pelajar menguasai mata pelajaran teras seperti Matematik dan Sains. Murid juga perlu didedahkan kepada pengetahuan am yang menyeluruh tentang Malaysia, Asia dan dunia dari aspek sejarah,

manusia, dan geografi. Pelajar juga digalakkan mengembangkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang lain seperti seni, muzik dan sukan. Setiap pelajar belajar cara memperoleh ilmu pengetahuan dan mengamalkan pembelajaran sepanjang hayat mereka. Malah setiap pelajar perlu menguasai bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan dan bahasa perpaduan serta bahasa Inggeris sebagai bahasa komunikasi antarabangsa sekurang-kurangnya pada tahap minima.

Di Malaysia, usaha untuk meningkatkan pembangunan pendidikan pelajar Orang Asli telah dilakukan sejak zaman penjajah lagi. Sebagai contoh, Kementerian Pendidikan Malaysia dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) telah bertanggungjawab untuk memajukan masyarakat orang Asli dalam pendidikan. Namun begitu pencapaian akademik pelajar orang asli ternyata masih rendah kerana hanya segelintir orang Asli yang berjaya sehingga ke universiti dalam pelbagai peringkat pengajian dan menceburi pelbagai bidang kerjaya. Justeru itu, kajian ini cuba menganalisis faktor-faktor kelemahan akademik dalam kalangan pelajar orang Asli di Sekolah Kebangsaan Sungai Berua, Kuala Berang, Terengganu dan seterusnya mengemukakan cadangan penambahbaikan untuk peningkatan prestasi pendidikan pelajar orang Asli di sini khususnya.

Penyataan Masalah

Dasar PPPM 2013-2025 juga bertujuan bagi meningkatkan pelaburan dalam sumber fizikal dan sumber pengajaran untuk pelajar berkeperluan khusus. Pelajar orang Asli dan kumpulan minoriti lain menerima bantuan tambahan supaya mereka juga menikmati peluang pendidikan yang sama rata. Sepanjang tahun 2013 hingga 2025, pelajar ini akan memasuki sekolah yang mempunyai kemudahan dan peralatan lengkap bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang kondusif. Mereka diajar oleh guru yang telah menerima latihan tambahan untuk memahami keperluan dan cabaran khusus pelajar dan strategi pengajaran yang diperlukan untuk mengajar pelajar berkeperluan khusus. Pelajar ini juga diberikan sokongan melalui peluasan jaringan kaunselor, terapis dan pembantu guru mengikut keperluan (PPPM, 2013).

Berdasarkan enrolmen pelajar orang Asli di Sekolah Kebangsaan Sungai Berua, Kuala Berang, Terengganu tahun 2018 bagi tahun 1 hingga tahun 6, hanya 104 orang pelajar orang Asli didaftarkan di sekolah tersebut. Namun begitu peratus kehadiran pelajar di sekolah tersebut dari bulan Januari hingga November 2018 hanyalah 15 peratus yang bermakna 85 peratus pelajar orang Asli yang tidak hadir ke sekolah. Keadaan ini telah memberi kesan kepada prestasi akademik pelajar orang Asli di sini. Oleh itu, senario yang sangat membimbangkan ini dikuatiri boleh mengakibatkan pelajar orang Asli di Sekolah Kebangsaan Sungai Berua terus tercicir dalam sistem pendidikan dan arus pembangunan Malaysia.

Objektif Kajian

Menganalisis faktor-faktor kelemahan akademik dalam kalangan pelajar orang Asli di Sekolah Kebangsaan Sungai Berua, Kuala Berang, Terengganu.

Persoalan Kajian

Mengenal pasti apakah faktor-faktor kelemahan akademik dalam kalangan pelajar orang Asli di Sekolah Kebangsaan Sungai Berua, Kuala Berang, Terengganu.

Tinjauan Literatur

Orang Asli secara asasnya adalah satu kumpulan yang kecil atau dianggap sebagai kaum yang minoriti di Malaysia. Masyarakat Orang Asli merupakan masyarakat pribumi terawal yang menduduki tanah semenanjung Malaysia. Istilah "Orang Asal" (Original People) dan selepas itu "Orang Asli" digunakan di zaman darurat iaitu antara tahun 1948 hingga 1960 oleh pihak British bagi tujuan memujuk Orang Asli membantu pihak kerajaan memerangi ancaman komunis (Colin Nicholas, 2000). Istilah "Orang Asli" adalah merupakan istilah rasmi samada dalam Bahasa Melayu ataupun Bahasa Inggeris (Carey dan Iskandar, 1976). Menurut bancian oleh Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA), pada tahun 2006 terdapat seramai lebih kurang 141, 230 orang asli di Semenanjung Malaysia (JHEOA, 2009).


Pribumi orang Asli ini sebenarnya terdiri daripada 18 suku kaum yang mempunyai bahasa, adat dan pantang-larang yang berlainan. 18 suku kaum orang Asli ini dirangkumi dalam 3 kelompok kaum utama iaitu Senoi, Melayu Proto dan Negrito yang terdiri daripada kaum Kensiu, Kintek, Jahai, Lanoh, Mendriq, Bateq, Semai, Temiar, Jah Hut, Chewong, Mah Beri, Semoq Beri, Temuan, Semelai, Jakun, Orang Kanaq, Orang Seletar. Taburan perkampungan Orang Asli pula terdiri daripada 12 kampung berada dalam kategori pekan atau bandar, 534 kampung di kawasan pinggiran dan seterusnya 323 buah kampung yang berada di kawasan pedalaman (JHEOA, 2009).

Selaras dengan peredaran masa, masyarakat orang Asli juga turut menikmati arus pemodenan. Walaupun mereka terdedah kepada arus pemodenan dan globalisasi ini, masyarakat orang asli merupakan masyarakat yang sering terpinggir terutamanya dari aspek pembangunan ekonomi, infrastruktur, sosio-budaya, pendidikan dan juga berkenaan dengan hak atau status pemilikan tanah mereka (Izzuddin dan Ramli, 2010).

Kebanyakan orang Asli yang berada di kawasan Hulu Terengganu terdiri daripada suku Semoq Beri yang berasal dari kaum Senoi yang merupakan suku terbesar di Kampung Sungai Berua. Suku ini masih terikat kuat dalam adat resam dan masih mengamalkan ajaran nenek moyang. Aktiviti utama mereka ialah bertani disamping menjual hasil hutan. Orang Semoq Beri mempercayai pelbagai unsur ghaib, roh, jembalang, jin dan hantu. Mereka masih mengamalkan cara hidup primitif dan nomad (Zamri, Muhamad Suhaimi, Mohd Zamzuri, 2009).

Malah segilintir kaum Suku Bateq yang berasal dari kaum Negrito juga banyak menempati kawasan di Hulu Terengganu ini. Mereka mahir mencari hasil-hasil hutan seperti petai, rotan, damar dan madu lebah sebagai hasil pendapatan mereka. Kaum asli Suku Bateq dapat dikenali daripada fizikal mereka yang rendah, berkulit gelap dan mempunyai rambut yang kerinting manakala kaum asli Semoq Beri mempunyai iras orang Melayu dan berambut lurus. Kedua-dua kaum asli ini bertutur dalam dialek masing-masing yang menjadi identiti mereka iaitu sub Mon-Khmer dari keluarga bahasa Austro-Asia (Zalizan, Abdul Razaq, Ahmad Rafeai, 2009).

Perkampungan orang Asli Semaq Beri dan Bateq di negeri Terengganu di Kampug Sungai Berua terletak di pedalaman iaitu kira-kira 21 kilometer dari Bandar Kuala Berang dan 66 kilometer dari bandar Kuala Terengganu (Rajah 1). Perkampungan mereka telah dilengkapi kemudahan asas dan boleh dihubungi dengan jalan tar berturap. Semua penduduk perkampungan orang Asli di Sungai Berua tinggal di dalam rumah yang disediakan oleh pihak kerajaan. Sebanyak 100 buah rumah telah dibina oleh pihak kerajaan kepada mereka. Sehingga Februari 2014, seramai 106 buah keluarga dengan kapasiti 519 keluarga telah berdaftar dengan JAKOA (Zamri et. al 2009).



Rajah 1: Kedudukan Sekolah Kebangsaan Sungai Berua di Jajahan Kuala Berang, Terengganu

Analisis Kajian

Berdasarkan enrolmen pelajar dan kehadiran tahun 2018 di SK Sungai Berua, Hulu Terengganu bagi Tahun 1, terdapat 20 orang murid, tahun 2 seramai 9 orang murid, Tahun 3 seramai 14 orang murid, Tahun 4 seramai 21 orang murid, Tahun 5 seramai 24 orang murid manakala Tahun 6 seramai 16 orang murid. Jumlah keseluruhan murid SK Sungai Berua adalah 104 orang dengan murid lelaki berjumlah 56 orang dan murid perempuan berjumlah 48 orang seperti yang ditunjukkan oleh jadual 1.

Jadual 1: Enrolmen pelajar di SK Sungai Berua Bulan Januari hingga November Tahun 2018

Tahun	Jumlah murid lelaki	Jumlah Murid Perempuan	Jumlah Besar
Tahun 1	11	9	20
Tahun 2	6	3	9
Tahun 3	9	5	14
Tahun 4	13	8	21
Tahun 5	13	11	24
Tahun 6	4	12	16
Jumlah Besar	56	48	104

Jadual 2 menunjukkan peratus kehadiran murid di SK Sungai Berua, Hulu Terengganu sepanjang Tahun 2018. Peratus kehadiran murid sepanjang semester 1 adalah 36 peratus manakala sepanjang semester 2, 2018 berjumlah 22.5 peratus sahaja. Purata kehadiran murid-murid SK Sg Berua sepanjang tahun 2018 adalah peratus sahaja.

Jadual 2: Peratus kehadiran pelajar SK Sg Berua bulan Januari hingga November Tahun 2018

Tahun	Peratus Kehadiran Semester 1, 2018	Peratus Kehadiran Semester 2, 2018	Peratus Jumlah kehadiran tahun 2018
Tahun 1	36	24	30
Tahun 2	34	28	31
Tahun 3	35	24	29.5
Tahun 4	37	18	27.5
Tahun 5	41	21	31
Tahun 6	38	20	29
Peratus Keseluruhan	36	22.5	15 %

Jadual 3 menunjukkan peratus pelajar SK Sg Berua yang menguasai dan tidak menguasai mata pelajaran dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun 2018. Bagi pelajar Tahun 1, hanya 8 peratus menguasai, manakala 92 peratus tidak menguasai keseluruhan mata pelajaran. Bagi pelajar tahun 2 pula, hanya 3 peratus menguasai dan 97 peratus tidak menguasai mata pelajaran. Bagi pelajar Tahun 3 pula, 28 peratus menguasai manakala 72 peratus tidak menguasai mata pelajaran. Bagi Tahap dua pula, pelajar Tahun 4 menunjukkan hanya 17 peratus menguasai, manakala 83 peratus tidak menguasai mata pelajaran. Trend ini terus menurun di mana hanya 13 peratus pelajar tahun 5 menguasai, manakala 87 peratus tidak menguasai mata pelajaran. Trend ini terus menurun di mana hanya 2 peratus sahaja pelajar tahun 6 menguasai, manakala 98 peratus tidak menguasai mata pelajaran. Analisis keseluruhan menunjukkan hanya 12 peratus pelajar SK Sg Berua menguasai manakala 88 peratus tidak menguasai mata pelajaran bagi Peperiksaan Pertengahan Tahun 2018.

Jadual 3: Analisa pencapaian dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun 2018 mengikut mata pelajaran teras di SK Sungai Berua

Mata Pelajaran / Tahun	BM P	BM K	BI P	BI K	Mate	Sains	% Menguasai	% Tidak menguasai
Tahun 1	M=35 TM=64	-	M=0 TM=100	M=0 TM=100	M=0 TM=100	-	8	92
Tahun 2	M=0 TM=100	M=0 TM=100	M=0 TM=100	M=0 TM=100	M=16.67 TM=83	-	3	97
Tahun 3	M=44 TM=56	M=30 TM=70	M=0 TM=100	M=0 TM=100	M=67 TM=33	-	28	72
Tahun 4	M=0 TM=100	M=0 TM=100	M=0 TM=100	M=0 TM=100	M=33 TM=67	M=71 TM=28	17	83
Tahun 5	M=30 TM=70	M=0 TM=100	M=0 TM=100	M=0 TM=100	M=0 TM=100	M=50 TM=50	13	87
Tahun 6	M=0 TM=100	M=0 TM=100	M=12 TM=88	M=0 TM=100	M=0 TM=100	M=0 TM=100	2	98
Keseluruhan	M=18 M=82	M=6 TM=94	M=2 TM=98	M=0 TM=100	M=19 TM=81	M=41 TM=59	12 %	88 %

***Nota: M = Menguasai
TM = Tidak Menguasai

Jadual 4: *Analisa pencapaian dalam Peperiksaan Akhir Tahun 2018 mengikut mata pelajaran teras di SK Sungai Berua*

Mata Pelajaran /Tahun	BM P	BM K	BI P	BI K	Mate	Sains	% Menguasai	% Tidak menguasai
Tahun 1	M=15 TM=85	-	M=8 TM=92	M=8 TM=92	M=0 TM=100	-	8	92
Tahun 2	M=0 TM=100	M=0 TM=100	M=0 TM=100	M=0 TM=100	M=50 TM=50	-	10	90
Tahun 3	M=44 TM=56	M=50 TM=50	M=46 TM=54	M=62 TM=38	M=30 TM=70	-	46	54
Tahun 4	M=0 TM=100	M=0 TM=100	M=0 TM=100	M=0 TM=100	M=57 TM=42	M=29 TM=71	15	85
Tahun 5	M=54 TM=45	M=11 TM=88	M=0 TM=100	M=10 TM=90	M=0 TM=100	M=44 TM=55	20	80
Tahun 6	M=0 TM=100	M=0 TM=100	M=0 TM=100	M=0 TM=100	M=0 TM=100	M=0 TM=100	-	100
Keseluruhan	M=19 TM=81	M=18 TM=88	M=9 TM=91	M=13 TM=87	M=23 TM=77	M=25 TM=75	16 %	84 %

***Nota: **M** = Menguasai
TM = Tidak Menguasai

Manakala Jadual 4 menunjukkan analisa peratus penguasaan pelajar SK Sg Berua dalam Peperiksaan Akhir Tahun 2018. Pelajar tahun 1 menunjukkan 8 peratus menguasai, manakala 92 peratus tidak menguasai mata pelajaran. Pelajar Tahun 2 menunjukkan 10 peratus menguasai, manakala 90 peratus tidak menguasai mata pelajaran, manakala pelajar tahun 3 menunjukkan 46 peratus menguasai manakala 54 peratus tidak menguasai mata pelajaran. Trend penguasaan pelajar dalam mata pelajaran menurun apabila berada di Tahap 2. Pelajar tahun 4 menunjukan 15 peratus menguasai dan 85 peratus tidak menguasai mata pelajaran manakala pencapaian pelajar Tahun 5 terus menurun di mana hanya 20 peratus menguasai dan 80 peratus tidak menguasai mata pelajaran. Trend penurunan pencapaian ini semakin ketara di mana semua murid tahun 6, iaitu 100 peratus tidak menguasai dalam semua mata pelajaran dalam Peperiksaan Akhir Tahun 2018. Jumlah keseluruhan murid SK Sg Berua yang menguasai mata pelajaran dalam Peperiksaan Akhir Tahun 2018 adalah 16 peratus sahaja, manakala 84 peratus tidak menguasai mata pelajaran.

Dapatan Dan Perbincangan Kajian

Kajian kes ini juga menggunakan pendekatan kualitatif untuk mendapatkan kefahaman yang mendalam terhadap sesuatu perkara yang ingin dikaji. Kajian kes ini menjawab persoalan berkaitan dengan mengapa sesuatu fenomena berlaku sedemikian dan bagaimana ianya berlaku. Justeru, kajian kes telah dijalankan di Sekolah Kebangsaan Sungai Berua untuk menjawab persoalan yang dikemukakan oleh pengkaji melalui temu bual berstruktur. Temu bual ini bersifat reflektif dan dapat mencerminkan kehidupan dan keadaan yang sebenar mengenai suatu fenomena dan ianya juga digunakan sebagai alat pengumpulan maklumat (Chua, 2011).

Pengkaji terlebih dahulu menyediakan soalan yang umum kepada semua guru-guru yang mengajar di SK Sungai Berua dan dilaksanakan secara formal semasa mereka menghadiri kursus Latihan Dalam Perkhidmatan (LADAP) yang dianjurkan oleh pihak pengurusan sekolah. Chua (2011) menerangkan bahawa temu bual berstruktur merupakan temu bual yang dijalankan secara formal, dirancang secara teliti dan dilaksanakan mengikut soalan yang telah dibina dan mestilah selaras dengan objektif kajian dan ianya serupa kepada setiap responden.

Ianya bertujuan untuk memberi rangsangan yang serupa kepada responden juga supaya maklumat yang dikumpulkan dapat dibezakan dengan tepat dan berupaya mengumpul maklumat yang mencerminkan konsep variabel dalam kajian (Chua, 2011).

Pengumpulan maklumat menggunakan teknik temu bual berstruktur secara kumpulan kepada 13 guru-guru yang mengajar SK Sungai Berua yang digunakan bagi mengumpul maklumat dalam kajian ini. Teknik temu bual ini telah dijalankan bagi mengenal pasti faktor-faktor kelemahan akademik dalam kalangan pelajar orang Asli di sekolah berkenaan. Soalan temu bual telah ditetapkan oleh pengkaji dan guru-guru bebas menyatakan pandangan mereka mengenai soalan kajian yang dikemukakan. Dapatan kajian kualitatif ini dipersembahkan dalam enumerasi data seperti dalam Jadual 5.

Jadual 5: *Kesimpulan enumerasi data kualitatif berdasarkan kekerapan guru-guru menjawab soalan yang dikemukakan*

Soalan yang dikemukakan: Apakah faktor-faktor kelemahan akademik dalam kalangan pelajar Orang Asli di SK Sungai Berua, Kuala Berang, Terengganu.	Kekerapan
Tiada galakan dan kesedaran ibu bapa	
Mereka tidak hormat pada guru dan pengurusan sekolah. Masyarakat sekeliling yang menganggap pelajaran kurang penting dan tiada kerjasama malah Tok Batin dan PIBG juga kurang berperanan.	12 orang
Tidak ada 'role model' yang boleh dicontohi. Budaya masyarakat orang Asli yang tidak mementingkan pembelajaran.	7 orang
Tidak hadir ke sekolah kerana tiada galakan daripada keluarga.	5 orang
Tahap pendidikan ibu bapa yang sangat lemah dan suku kaum pelajar itu sendiri yang tidak mementingkan pelajaran. Persekitaran kampung juga tidak merangsang minat murid untuk belajar.	4 orang
Kurang kesedaran dan motivasi dalam diri pelajar	
Motivasi diri pelajar yang rendah dan mereka tidak takut dengan guru mereka.	10 orang
Pelajar kurang berinteraksi dalam PdP (mudah bosan). Kekurangan kemudahan internet menyebabkan proses PdPc tidak dapat dijalankan dengan lancar.	10 orang
Tidak hadir berterusan ke sekolah menyebabkan pelajar tercicir dalam pembelajaran dan tidak mengenal huruf.	
Tiada kesinambungan antara pembelajaran di sekolah dan di rumah.	10 orang
Sukatan pelajaran terlalu tinggi. Soalan peperiksaan yang disediakan oleh KPM/JPN/ PPD tidak mengikut aras keupayaan pelajar orang Asli di sini.	5 orang
Keberadaan dalam kelas terutama waktu pertukaran guru meyebebkan pelajar keluar kelas. Semua kelengkapan belajar seperti buku/pensil warna yang disediakan oleh guru juga dibawa bersama apabila guru keluar selepas PdPc. Guru akan membawa keluar kelengkapan tersebut bersamanya.	4 orang
Pelajar datang ke sekolah hanya untuk menerima bantuan yang disediakan.	
Sekolah hanya tempat asuhan bagi anak-anak Orang Asli untuk mendapatkan makanan dan bantuan. Selepas sekolah rendah kebanyakan pelajar merasakan punca rezeki di hutan dan tidak perlu belajar ke peringkat seterusnya.	9 orang
Tidak ada disiplin diri dalam kehidupan masyarakat orang Asli. Pengetahuan mereka terhadap agama terlalu kurang malah mereka tidak suka mengikut peraturan dan dikongkong.	5 orang

Jelaslah melalui jadual 5 tersebut, terdapat 3 faktor utama yang membawa kepada kelemahan akademik dalam kalangan pelajar orang Asli di SK Sungai Berua. Faktor pertama ialah tiada galakan dan kesedaran ibu bapa termasuklah masyarakat setempat. 12 orang guru berpendapat bahawa Tok Batin dan Persatuan Ibu Bapa Dan Guru-guru (PIBG) kurang berperanan dan berkerjasama daripada komuniti ini. Suku kaum Orang Asli di sini juga tidak menitik beratkan pelajaran anak-anak orang Asli di sini. Malah mereka tidak risau sekiranya anak-anak mereka tercicir dalam pelajaran. Ini adalah kerana mereka bergantung kepada hasil hutan untuk dijualkan kepada masyarakat luar ataupun menggunakannya untuk keperluan diri, keluarga atau dalam kalangan masyarakat di sini.

Faktor kedua pula datang dari pelajar orang Asli di sekolah ini. Keseluruhan guru di sini mendapati pelajar mereka kurang kesedaran dan motivasi dalam diri pelajar mereka untuk maju dalam pelajaran. Walaupun mereka telah menerima cara hidup baru dengan menetap di satu tapak penempatan dan mendapat bantuan seperti rumah yang dibina melalui PPRT, pelajar orang Asli sering mengikut bapa mereka ke hutan sehingga beberapa hari. Ketidakhadiran ke sekolah yang berterusan telah mengakibatkan kelemahan akademik dalam kalangan pelajar orang Asli di SK Sungai Berua.

Faktor ketiga pula adalah kerana pelajar datang ke sekolah hanya untuk menerima bantuan yang disediakan. Mereka sukar menerima apa yang diajar oleh guru dan tumpuan belajar mereka hanya dalam jangka masa yang singkat. Mereka kurang selesa menggunakan bahasa Melayu dalam pertuturan mengakibatkan komunikasi antara guru-guru juga sangat terbatas dan sukar difahami.

Rumusan

Hasil dapatan kajian ini telah Mengenal pasti faktor-faktor kelemahan akademik dalam kalangan pelajar orang Asli di Sekolah Kebangsaan Sungai Berua, Kuala Berang, Terengganu. Jelaslah bahawa, terdapat tiga faktor utama yang menyebabkan kelemahan akademik dalam kalangan pelajar orang Asli di sekolah berkenaan iaitu:

- i) Tiada galakan dan kesedaran ibu bapa;
- ii) Kurang kesedaran dan motivasi dalam diri pelajar; dan
- iii) Pelajar datang ke sekolah hanya untuk menerima bantuan yang disediakan.

Melalui hasil dapatan kajian ini juga telah dapat mengesan halangan-halangan yang menyebabkan kelemahan akademik dalam kalangan pelajar orang Asli di sini. Bagi meningkatkan prestasi pendidikan orang Asli di sini, pengkaji mengemukakan beberapa cadangan yang boleh dipertimbangkan oleh pihak pengurusan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Pejabat Pelajaran Daerah (PPD), Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA), Institut Pendidikan Guru (IPG) dan NGO dalam membantu pihak pengurusan sekolah dan guru-guru Sekolah Kebangsaan Sungai Berua, Kuala Berang, Terengganu khasnya.

JAKOA dan PPD Kuala Berang, Terengganu perlu sentiasa mengadakan pembangunan modal insan kepada masyarakat orang Asli di Kampung Sungai Berua dengan mengadakan kursus motivasi bagi meningkatkan kesedaran masyarakat orang Asli di sini akan kepentingan pelajaran kepada anak-anak mereka. Kursus motivasi ini perlu dijalankan sekurang-kurangnya tiga kali setahun dan dijalankan di luar kawasan Jajahan Kuala Berang seperti di SK Menson, Cameron Highland, Pahang bagi mendapat pendedahan dan saling berbincang dari aspek kemenjadian pelajar agar pembangunan masyarakat dan kemajuan pelajar orang Asli di situ dapat ditingkatkan.

Di samping itu juga, pihak JAKOA dengan kerjasama PPD Kuala Berang, Terengganu juga perlu mengadakan kursus untuk guru-guru SK Sungai Berua. Kursus asas bahasa suku kaum orang Asli perlu diutamakan kepada guru yang baru mengajar di sini. Antara program bersama yang boleh dijalankan termasuklah kursus pemahaman bahasa suku Semoq Beri dan pendedahan dan pemahaman budaya dan adat resam orang Asli di sini. Secara tidak langsung ianya akan memupuk kejelekitan antara guru-guru dengan masyarakat setempat di sini. Malah saling hormat menghormati akan wujud apabila masyarakat orang Asli merasakan diri mereka diterima seadanya dalam kalangan guru-guru di sini. Inisiatif boleh diberikan kepada guru-guru sekiranya terdapat guru-guru yang boleh menguasai bahasa suku kaum orang Asli di sini. Ini boleh menjadi pendorong dan galakan kepada guru-guru dalam penguasaan bahasa setempat. Malah memudahkan pengajaran dan pembelajaran melalui komunikasi yang berkesan.

Dalam usaha meningkatkan penguasaan kemahiran dalam bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris dalam kalangan pelajar irang Asli, guru yang mengajar pelajar orang Asli perlu menerima bimbingan khusus daripada pembimbing guru peringkat daerah. Pelajar yang ketinggalan perlu mengikuti kelas pemulihan sehingga mereka dapat mengikuti kurikulum aliran perdana. Teknik dan kaedah PdPc yang menarik dan bersesuaian seperti Pedagogi Terbeza perlu dirangka dengan teliti bertujuan untuk menarik minat pelajar orang Asli dan secara tidak langsung akan meningkatkan peratus kehadiran ke sekolah. Peruntukan untuk kemudahan asas perlu diperbanyakkan dalam menarik minat pelajar orang Asli dalam PdPc.

Rujukan

- Carey, Iskandar. (1976). *Orang Asli: The aboriginal tribes of Peninsular Malaysia*. Kuala Lumpur & New York: Oxford University Press.
- Chua, Y. P. (2011). *Kaedah dan statistik penyelidikan: Kaedah penyelidikan (2nd ed.)*. Shah Alam: McGraw-Hill Education.
- Izzuddin, M., & Ramli, B. (2010). *Orang Asli Di Malaysia: Konflik Dan Masa Depan. Persidangan Mahasiswa Malaysia-Indonesia*.
- Jabatan Hal Ehwal Orang Asli. (2009). *Laporan Tahunan 2009: Teras Kemajuan Masyarakat Orang Asli*. Kuala Lumpur: JHEOA.
- Nicholas, C. (2000). *The orang Asli and the Contest for Resources*. Subang Jaya: Center for orang Asli Concerns.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025 (Pendidikan Prasekolah hingga Lepas Menengah), 2013. Kementerian Pendidikan Malaysia. Putrajaya.
- Zalizan Mohd Jelas, Abdul Razaq Ahmad, Ahmad Rafeai Ayudin. (2009). *Perspektif Historiografi Orang Asli di Semenanjung Malaysia dalam Masyarakat Orang Asli: Perspektif Pendidikan dan Sosiobudaya*. Penerbit UKM.
- Zamri Abd Rahman, Muhamad Suhaimi Mohd Nong, Mohd Zamzuri Muhamad. (2009). *Perspektif Historiografi Orang Asli di Semenanjung Malaysia dalam Masyarakat Orang Asli: Perspektif Pendidikan dan Sosiobudaya*. Penerbit UKM.